

PEMBERITAHUAN BAGI PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN : 98

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan supaya siaran Radio AsyikFM dapat diterima terutama kawasan pedalaman Orang Asli seperti di Hulu Perak.

JAWAPAN :

Kerajaan melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menyiarkan siaran radio AsyikFM melalui dua format;

- (i) Siaran radio FM bagi penempatan Orang Asli yang lebih padat di kawasan Selangor/Pahang Barat, Perak Selatan dan Johor Utara.
- (ii) Siaran radio Short Wave bagi seluruh kawasan Semenanjung.

Dengan ini siaran radio AsyikFM telah boleh diterima di semua kawasan termasuk kawasan pedalaman Orang Asli, Hulu Perak.